

31/08/2001

Tidak mustahil BN jadi parti tunggal

Kadir Dikoh

"KERANAMU Malaysia, kami mahu jadikan Barisan Nasional (BN) sebagai parti tunggal untuk satu bangsa Malaysia." Suara ini bakal menjelma dan kemudian mungkin menjadi kenyataan pada tempoh 10, 20 atau 30 tahun akan datang.

Buat masa sekarang, sesetengah pihak mungkin sukar menerima hakikat ini seperti sebelum kemerdekaan apabila rakyat tidak bermimpi untuk mewujudkan Perikatan yang kemudian dikenali sebagai BN.

Anda tentu masih ingat, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu membuat kereta Proton, semua orang geleng kepala kerana mustahil negara yang majoriti orang Melayu boleh menghasilkan kereta sendiri. Hari ini, 70 peratus kereta di jalan raya dikuasai kereta nasional itu, malah berada di jalan raya di beberapa negara termasuk United Kingdom.

Gagasan menjadikan BN sebagai parti tunggal untuk satu bangsa Malaysia antara perbincangan menarik yang dikupas pada konvensyen BN selama sehari di ibu negara, Julai lalu dan turut disambut baik oleh Dr Mahathir.

Generasi sekarang sudah menghamparkan permaidani di atas jambatan kerjasama itu dan terpulang kepada generasi Wawasan 2020, untuk mencapai impian itu.

Namun, ketika penggulungan perbahasan pada akhir konvensyen itu, Dr Mahathir selaku Pengerusi BN berkata, usaha itu perlu dilakukan melalui proses evolusi, dan bukan revolusi.

"Adalah lebih baik kita melangkah dengan perlahan asalkan kita mencapai matlamat daripada gopoh dan cuba melompat ke depan. Kita mungkin jatuh, tempang dan patah kaki. Semua pemimpin parti komponen ingin menentukan bahawa bangsa Malaysia ini dapat dibentuk secepat mungkin.

"Cadangan penubuhan BN sebagai satu parti dan tidak lagi parti gabungan telah diterima, tetapi masing-masing berpendapat kita tidak harus mencuba merapatkan BN dan menjadikan sebuah parti BN dengan cara tergesa-gesa. Sebaliknya, kita perlu membentuk BN ini melalui proses evolusi dan bukan revolusi dan inilah cara yang terbaik bagi kita," katanya.

Ini bukan perkara mustahil. Apabila negara mencapai kemerdekaan 44 tahun lalu, tidak terfikir akan wujud pakatan BN untuk menyatukan semua kaum, seterusnya membawa pembangunan yang diidamkan semua.

Bayangkan, apa akan terjadi kepada Malaysia jika tanpa Perikatan atau BN. Sudah pasti keamanan dan kestabilan politik tergugat, dengan itu proses untuk membawa pembangunan kepada rakyat akan tergendala.

Sejarah membuktikan tiada pakatan lain yang boleh membentuk kerajaan kecuali pakatan yang mewakili suara semua kaum. Ini cuba dilakukan oleh pakatan empat parti pembangkang iaitu Pas, Parti Keadilan Rakyat (Keadilan), DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) tetapi sehingga kini mereka masih gagal meyakinkan rakyat.

Pakatan pembangkang meskipun tidur sebantol, mimpi mereka masih berlainan. Ketika Pas bermatlamat membentuk sebuah negara Islam jika pakatan pembangkang berjaya berkuasa, tiga rakan yang lain terutama DAP menentanginya. Masa depan Pas-DAP dalam pakatan pembangkang itu tidak menentu.

Rakyat negara ini bernasib baik kerana ketika menuntut kemerdekaan, Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj berpandangan jauh apabila mengilhamkan kerjasama antara kaum sehingga ditubuhkan parti Perikatan.

Beliau percaya kaum di Malaysia perlu berkerjasama dan berkongsi nasib

yang sama, berkongsi kekayaan negara dan dengan cara itu lebih baik daripada mana-mana kaum cuba merebut semuanya untuk kaumnya.

Namun, memang ada perasaan ketika itu di antara kaum bahawa mereka harus ambil semua untuk diri mereka. Orang Melayu dan Cina ingin mendapat semuanya bagi diri mereka dan sebab itu orang Melayu begitu ekstrim terhadap pandangan mereka ketika itu. Orang Cina pula secara langsung atau tidak secara langsung bersimpati dan menyokong gerakan gerila yang cuba menawan negara bagi mendirikan negara komunis.

Tetapi berkat sifat dan pandangan yang ada pada Tunku, kerjasama antara orang Cina dan orang Melayu dapat dijalin dengan baik dan kemudian kaum India menerusi MIC bekerjasama dengan parti orang Cina iaitu MCA dan parti orang Melayu Umno untuk menubuhkan Perikatan.

Ini adalah pendekatan politik yang amat bijak. Ada pihak yang berpendapat perlu diwujudkan sebuah parti yang tidak mengambil kira kaum tetapi keadaan tidak mengizinkan kerana masing-masing masih curiga dengan kedudukan mereka jika kepentingan mereka tidak diutamakan oleh wakil mereka. Dengan wujudnya perikatan iaitu gabungan parti yang terdiri daripada tiga kaum utama itu, maka masing-masing berasa selamat kerana kepentingan mereka dipertahankan dalam gabungan itu.

Dr Mahathir dalam ucapan pada majlis konvensyen BN baru-baru ini berkata: "Jika kita mempunyai satu parti berbilang kaum kemungkinan ialah kaum yang menjadi majoriti akan monopoli kuasa dan dominasi parti tetapi dengan wujud kerjasama melalui perikatan ini, masing-masing tidak lagi berasa curiga kepentingan mereka akan dibelakangkan.

"Dengan itu dewan tertinggi Perikatan memberikan perwakilan yang sama kepada ketiga-tiga parti, iaitu tidak ada satu-satu parti yang punya wakil lebih daripada orang lain. Ketiga-tiga parti walaupun tidak sama besar tetapi mempunyai perwakilan yang sama. Ini telah meredakan kecurigaan yang terdapat di kalangan orang Melayu, Cina dan India dan kerjasama yang erat dapat diadakan, tetapi kerjasama itu tertumpu kepada pilihan raya untuk menentukan kita dapat kemenangan dalam pilihan raya.

"Strategi yang digunakan oleh Perikatan ini ialah di mana ada parti komponen bertanding, parti komponen yang lain dan penyokong mereka akan sokong calon daripada parti komponen Perikatan. Sebaliknya, di tempat yang lain dalam bandar umpamanya kalau yang bertanding calonnya ialah MCA, maka penyokong Umno dan MIC akan memberi sokongan kepada calon MCA, dengan itu jumlah undi yang akan diperolehi MCA adalah besar dan dapat kalahkan parti lawan.

"Demikian juga di kawasan Melayu calonnya ahli Umno dan penyokong MCA dan MIC akan memberi sokongan kepada calon Umno ini kerana mereka tahu di kawasan mereka Umno akan beri pertolongan. Bagi MIC pula, oleh kerana penduduk Malaysia yang berketurunan India ini tidak ramai dan tidak ada satu pun kawasan di mana penduduk India menjadi majoriti, sepatutnya tidak ada sama sekali calon yang terdiri daripada MIC, tetapi kerana kita adakan pakatan Perikatan, calon MIC dijamin sokongan Umno dan MCA," katanya.

Sebab itu walaupun tidak ada kawasan orang India jadi majoriti, parti yang lain seperti Umno dan MCA sanggup mengagihkan kawasan mereka dan menentukan calon MIC ini mendapat kemenangan. Dengan itu Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri akan memperlihatkan wakil BN yang terdiri daripada ketiga-tiga kaum dan ini memberi kepercayaan kepada semua kaum mengenai keikhlasan, timbang rasa, keadilan yang terdapat dalam Perikatan, konsep kerjasama Perikatan ini.

Daripada Perikatan, kestabilan politik diperkukuhkan lagi apabila Malaysia tertubuh dan Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada 1963. Di Sabah dan Sarawak beberapa parti yang juga mewakili kaum tertentu dan mereka juga memilih untuk menyertai Perikatan.

Malang menimpa Perikatan apabila rusuhan kaum tercetus pada 1969, tetapi

ada rahmat di sebalik tragedi ngeri itu kerana kemudiannya, agihan kekayaan negara lebih seimbang melalui pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Satu lagi kemajuan dirancang supaya semua kaum dapat bekerjasama termasuk mereka yang jadi parti lawan dalam pilihan raya 1969. Dengan itu, Perikatan menerima parti lawan untuk menyertai satu pertubuhan baru dikenali sebagai Barisan Nasional. Dalam BN ini parti yang diterima masuk ialah Gerakan, PPP dan juga Pas. Ketiga-tiga parti lawan menyertai BN.

Buat beberapa ketika BN berjalan dengan baik sehingga Pas dikeluarkan daripada BN. Selepas itu BN dapat teruskan pemerintahan di seluruh negara.

Konsep kerjasama ala BN diiktiraf dunia sebagai konsep terbaik. Ramai yang hairan dan kagum melihat bagaimana 14 parti yang sekarang jadi 13 parti dapat berkerjasama.

(END)